

Latihan 27

Arahan: Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang diberi. [10 markah]

Pada hari Selasa yang lepas, guru sekolah Helmi memberi ceramah 讲座 tentang 关于 cara-cara menjaga keselamatan diri di jalan raya. Antaranya, kita haruslah menggunakan jejantas 天桥 semasa melintas jalan raya 过马路 untuk mengelakkan 避免 daripada dilanggar 被撞 kereta. Selain itu, kita tidak boleh menggunakan telefon bimbit semasa memandu kerana perbuatan 行为 ini amat berbahaya 危险. Kita juga tidak boleh memotong garisan sesuka hati 随意. Akhir sekali 最后, kita wajib 应当 memakai tali pinggang keledar 安全带 semasa memandu.

- 1) Guru sekolah Helmi memberi ceramah tentang _____.
- 2) Mengapakah kita harus menggunakan jejantas semasa melintas jalan raya/ _____.
- 3) Kita dilarang untuk menggunakan _____ semasa memandu kereta.
- 4) Apakah yang perlu kita pakai semasa memandu? _____.
- 5) Mengapakah kita harus menjaga keselamatan diri semasa berada di jalan raya? Kita harus menjaga keselamatan diri semasa berada di jalan raya untuk mengelakkan daripada berlaku _____.

Latihan 28

Arahan: Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang diberi. [10 markah]

Kaum Cina akan menyambut 庆祝 Tahun Baharu Cina 农历新年 pada setiap tahun. Sebelum menyambut perayaan itu, kaum Cina akan bergotong-royong 大扫除 membersihkan 清理 sekitar rumah. Kaum Cina akan makan besar bersama semua ahli keluarga 家人 pada malam sebelum Tahun Baharu Cina. Adat 习俗 ini dapat mengeratkan 增进 lagi hubungan 关系 sesama 彼此 ahli keluarga. Semasa Tahun Baharu Cina, orang dewasa 成年人 yang sudah berkahwin 结婚 akan mengagihkan 派送 angpau 红包 kepada kanak-kanak yang berkunjung 探访 ke rumah mereka.

- 1) Apakah perayaan yang disambut oleh kaum Cina pada setiap tahun? _____.
- 2) Apakah perkara yang akan dilakukan oleh kaum Cina sebelum menyambut Tahun Baharu Cina? _____.
- 3) Bilakah kaum Cina akan makan besar bersama semua ahli keluarga? Kaum Cina akan makan besar bersama semua ahli keluarga pada _____.
- 4) Adat makan besar bersama keluarga dapat _____ lagi hubungan sesama ahli keluarga.
- 5) Siapakah yang akan mengagihkan angpau kepada kanak-kanak yang berkunjung ke rumah mereka? _____.